

PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR PEMERIKSAAN BERKALA BERMULA 1 JUN 2025

Pelanggan yang dihormati,

Berikutan arahan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan, penambahbaikan terhadap **prosedur Pemeriksaan Berkala** akan dilaksanakan secara berperingkat. Antara **dua (2) aspek** yang akan dikuatkuasakan bermula **1 Jun 2025** adalah seperti berikut:

PEMERIKSAAN TAYAR



Keseluruhan permukaan tayar wajib mempunyai ketebalan bunga tidak kurang daripada 1.6mm.

Prosedur sedia ada:

Pemeriksaan boleh diluluskan jika suatu tayar tersebut mempunyai 75% kawasan yang mempunyai ketebalan bunga tidak kurang 1.6mm.

STRUKTUR SIDEBORD LORI RIGID DUMPER / TIPPER (LRD) DAN SEMI TRAILER DUMPER / TIPPER (SKD)



- **Pelanggan dikehendaki membawa permit kenderaan semasa hadir Pemeriksaan Berkala (bagi kenderaan jenis badan LRD dan SKD).**
- **PUSPAKOM akan menggagalkan pemeriksaan terhadap mana-mana kenderaan jenis badan LRD dan SKD yang mempunyai ketinggian *sideboard* melebihi 762mm atau 610mm berdasarkan Berat Dengan Muatan (BDM) sesebuah kenderaan jika membawa muatan selain daripada muatan yang ditetapkan pada permit.**



Prosedur sedia ada:

Jenis muatan yang dibawa sepertimana ketetapan pada permit kenderaan tidak dirujuk bagi pengesahan apa-apa penambahan struktur kenderaan (kelulusan khas) semasa menjalani Pemeriksaan Berkala.

EST. 1994
30 YEARS

Keseluruhan permukaan tayar



Tidak kurang daripada 1.6mm

EST. 1994

30 YEARS

BDM ≤ 20999 kg
Board & Tail Board (mm): 610 mm

BDM ≥ 21000 kg
Board & Tail Board (mm): 762 mm